# SMJK Seg Hwa, Segamat

# Modul Esei Pendidikan Moral SPM

| | | |
|---|---|---|
| **Nama** | **:** | |
| **Kelas** | **:** | |
| **Guru Moral** | **:** | |



**ESEI PENDIDIKAN MORAL**

1. Dalam peperiksaan SPM, terdapat 3 soalan esei, calon jawab 2 sahaja.

2. Setiap esei ialah 10 markah.

3. Terdapat 3 bentuk esei moral iaitu :
   a. Esei tanya tentang nilai
   b. Esei tidak menanya tentang nilai
      i. Esei membuat keputusan (pilih 1 antara 2 pilihan)
      ii. Esei membuat keputusan (wajar @ tidak wajar, setuju @ tidak setuju, sokong @ tidak sokong)
      iii. Esei menyelesaikan masalah

4. Apabila mnjawab esei pendidikan Moral, letak 3 nilai moral dulu tidak kira sama ada soalan esei menanya nilai atau tidak.

5. Dengan menulis 3 nilai, anda telah mendapat 3 markah untuk nilai.

6. Tulis seberapa banyak penerangan yang berkaitan dengan situasi soalan esei. Anda boleh tulis pandangan dan alasan anda untuk menyokong pilihan anda.

7. Anda boleh hubungkaitkan pengetahuan am anda dengan situasi esei yang anda jawab.

8. Jawapan anda mesti logik, positif dan bermoral.

**Contoh esei menanya tentang nilai**

**Mayat bayi ditemui dalam longkang**
***KUCHING 6 Mac, Utusan Malaysia***

**Jurujual wanita ditahan disyaki buang bayi**
***SEGAMAT 1 Mac, Berita Harian***

**Bayi lelaki ditemui rentung dalam tong sampah**
***SHAH ALAM 13 Feb., Metro***

1 Tajuk-tajuk akhbar di atas menunjukkan kes pembuangan bayi semakin meningkat. Huraikan **nilai nilai murni** yang patut diamalkan oleh mereka yang terlibat dalam perbuatan tersebut. Jawapan anda hendaklah disokong dengan penerangan dan huraian atau contoh yang sesuai. [10 markah]

| Bil | Nilai | Penerangan/ Huraian/Contoh/Jawapan |
|---|---|---|
| 1 | **Kasih sayang terhadap keluarga / Kasih sayang** | • Ibu-ibu harus sayang pada anak yang dilahirkan<br>• Mereka harus mengasihi anak pada setiap masa<br>• Mereka harus ambil berat terhadap bayi yang dilahirkan |
| 2 | **Tanggungjawab terhadap keluarga / bertanggungjawab** | • Ibu hatus melaksanakan tanggungjawab menjaga anak<br>• Mereka harus mengelakkan perbuatan menjejaskan imej keluarga<br>• Mereka harus memainkan peranan sebagai ibu untuk jaga anak dengan baik |
| 3 | **Rasional** | • Mereka harus boleh berfikir akibat membuang bayi<br>• Mereka juga harus berindak wajar dengan tidak melahirkan anak luar nikah |
| 4 | **Mematuhi peraturan dan undang-undang** | • Mereka harus mematuhi peraturan / undang-undang untuk melindungi anak yang dilahirkan<br>• Perbuatan pembuangan bayi adalah salah di sisi undang-undang<br>• Mereka yang membuang bayi akan dihukum jika bersabit dengan kesalahan |
| 5 | **Harga diri** | • Mereka harus menjaga imej diri dengan tidak melakukan perbuatan seks luar nikah<br>• Perbuatan seks luar nikah adalah perbuatan tidak bermoral yang boleh menjejaskan masa depan sendiri |
| 6 | **Kepercayaan kepada Tuhan** | • Mereka harus bersyukur kerana mendapat anak kurniaan Tuhan<br>• Mereka harus mengelakkan perbuatan larangan Tuhan seperti membuang bayi |
| 7 | **Melindungi hak kanak-kanak** | • Mereka harus membela kanak-kanak dengan mempertahankan hak kanak-kanak.<br>• Mereka juga harus melindungi kanak-kanak dengan menjaga keselamatan kanak-kanak |

**Dalam tempoh 100 tahun, suhu bumi telah meningkat 1°C akibat kesan Rumah Hijau. Hal ini menyebabkan berlakunya perubahan cuaca dan bencana alam seperti ribut, banjir, dan kebakaran hutan.**

2 Huraikan **nilai-nilai murni** yang perlu diamalkan oleh manusia untuk mengurangkan kadar pemanasan global. Jawapan anda hendaklah disokong dengan penerangan dan huraian atau contoh yang sesuai. [10 markah]

| Bil | Nilai | Penerangan/ Huraian/Contoh/Jawapan |
|---|---|---|
| **1** | **Menyayangi dan menghargai alam sekitar** | • Manusia harus memelihara alam sekitar dengan mengekalkan ekosistem.<br>• Contohnya, manusia harus menanam semula hutan yang telah ditebang<br>• Manusia juga harus kurangkan penebangan pokok. |
| **2** | **Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar** | • Manusia harus ada hubungan yang harmonis dengan alam sekitar dengan tidak lakukan pembalakan haram<br>• Manusia harus mengkekalkan flora dan fauna dalam hutan untuk keseimbangan ekosistem<br>• Pokok-pokok dapat membekalkan oksigen yang dapat mengurangkan suhu<br>• Hutan boleh memainkan peranan paru-paru semulajadi dalam menyimbangi suhu |
| **3** | **Kemapanan alam sekitar** | • Manusia harus mengekalkan keseimbangan alam sekitar supaya kepupusan flora dan fauna tidak berlaku<br>• Kerosakan alam sekitar yang berterusan akan membawa kesusahan kepada manusia pada masa akan datang<br>• Pemanasan golbal yang berterusan boleh menyebabkan hasil pertanian semakin berkurangan.<br>• Peningkatan suhu 1°C boleh mengurangkan hasil pertanian sebanyak 10%. |
| **4** | **Peka terhadap isu-isu alam sekitar** | • Manusia harus mengambil berat kesan pemanasan global yang berlaku kerana suhu yang terlalu panas boleh menyebabkan kebakaran hutan berlaku.<br>• Manusia harus berusaha menyelesaikan masalah alam sekitar dengan menganjurkan kempen kesedaran<br>• Contohnya, kempen “Bumi Kita Hanya Satu” supaya orang ramai sedar akan kepentingan menjaga bumi. |
| **5** | **Rasional** | • Manusia harus boleh berfikir kesan pemanasan global yang semakin serius dengan mengurangkan pengeluaran CFC.<br>• Manusia harus kurangkan penggunaan penghawa dingin.<br>• Manusia harus mengamalkan kitar semula untuk menyelamatkan bumi kita.<br>• Amalan hijau dapat mengurangkan masalah pemanasan global. |

3 Malaysia sebagai anggota ASEAN telah mengajukan konsep ZOPFAN iaitu Zon Aman, Bebas dan Berkecuali pada tahun 1974.

Huraikan **nilai-nilai murni** yang perlu diamalkan oleh anggota ASEAN untuk menjayakan konsep ZOPFAN. Jawapan anda hendaklah disokong dengan penerangan dan huraian atau contoh yang sesuai. [10 markah]

| Bil | Nilai | Penerangan/ Huraian/Contoh/Jawapan |
|---|---|---|
| 1 | **Hidup bersama secara aman** | • Anggota ASEAN harus hidup berbaik-baik dan bersepakat untuk menjayakan konsep ZOPFAN.<br>• Anggota ASEAN harus mengutamakan kedamaian dengan bekerjasama dalam menjaga keselamatan sejagat<br>• Anggota ASEAN harus menjaga kepentingan serantau supaya kuasa besar Barat tidak dapat campur tangan dalam urusan ASEAN. |
| 2 | **Saling membantu dan bekerjasama** | • Anggota ASEAN harus ada usaha baik untuk merealisasikan Konsep ZOPFAN dengan menolak semua pihak yang berniat mencerobohi negara-negara ASEAN.<br>• Anggota ASEAN berpegang teguh prinsip penyelesaian masalah secara rundingan dan perbincangan. |
| 3 | **Saling menghormati antara negara** | • Anggota ASEAN menghargai hubungan dengan memulihara hubungan ASEAN.<br>• Wakil-wakil anggota ASEAN sentiasa bermesyuarat untuk menyelesaikan masalah sesama anggota.<br>• Anggota ASEAN juga menghormati pendirian negara ASEAN lain dengan tidak mencampur tangan dalam hal ehwal negara lain. |
| 4 | **Mematuhi peraturan dan undang** | • Anggota ASEAN menerima peraturan / undang-undang dengan akur kepada undang-undang ZOPFAN.<br>• Anggota ASEAN mematuhi prinsip negara berkecuali dengan tidak melibatkan diri dalam urusan dalaman negara ASEAN. |
| 5 | **Rasional** | • Anggota ASEAN boleh berfikir kebaikan dan kepentingan konsep ZOPFAN<br>• Anggota ASEAN menyokong konsep keamanan serantau dengan menyelesaikan semua masalah yang timbul secara aman. |

| |
|---|
| ***Pencerobohan Lahad Datu catat sejarah hitam negara***<br>Kuala Lumpur – Tanggal 1 dan 2 Mac 2013 akan kekal dalam sejarah negara sebagai detik hitam yang menyaksikan kedaulatan negara dicabar dan lapan wira tanah air gugur mempertahankannya.<br>Pada tarikh itu bumi Lahad Datu dan Semporna, Sabah, bermandi darah apabila senjata api kumpulan penceroboh dari selatan Filipina memuntahkan peluru menembusi tubuh anggota Polis Diraja Malaysa (PDRM) ketika mereka memburu pengganas yang mendakwa daripada kesultanan Sulu.<br>***~Sinar, 16 Disember 2013~*** |

4. Filipina telah melakukan serangan terhadap Lahad Datu, Sabah dengan alasan menuntut hak mereka. Demi mempertahankan kedaulatan negara, kerajaan Malaysia telah melancarkan 'Operasi Daulat'.

   Huraikan **dua** nilai yang perlu diamalkan oleh kedua-dua negara agar dapat menyelesaikan konflik secara damai. [10m]

| **Bil** | **Nilai / huraian / contoh huraian** | **Markah** |
|---|---|---|
| **N1** | **rasional** | 1 |
| **N2** | **bertanggungjawab** | 1 |
| **N3** | **hidup bersama secara aman** | 1 |
| **N4** | **saling membantu dan bekerjasama** | 1 |
| **N5** | **saling menghormati antara negara** | 1 |
| **N6** | **toleransi** | 1 |
| **H1** | **elak penggunaan kekerasan dalam menangani masalah** | 1 |
| **H2** | **mengadakan rundingan untuk selesaikan masalah** | 1 |
| **H3** | **bertolak ansur antara satu sama lain** | 1 |
| **H4** | **sedia terima pandangan negara lain** | 1 |
| **H5** | **menghargai hubungan yang wujud antara kedua-dua negara** | 1 |
| **H6** | **hidup berbaik-baik antara kedua negara** | 1 |
| **H7** | **dapat memikirkan kesan melakukan serangan** | 1 |
| **H8** | **rakyat akan menderita / mati** | 1 |
| **H9** | **bekerjasama untuk selesaikan konflik** | 1 |
| **H10** | **memikul kewajipan menjaga keselamatan rakyat** | 1 |

- **Terima 2 nilai + 8 huraian = 10 markah**
- **Maksima terima 2 NILAI sahaja**




**Cabaran Wawasan 2020**

1 Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu
2 Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan
3 Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang
4 Mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika
5 Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan toleransi
6 Membina masyarakat yang maju dan saintifik
7 Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya penyayang
8 Menjamin sebuah masyarakat yang adil dan saksama ekonominya
9 Memupuk dan membina masyarakat makmur

5 Wawasan 2020 telah dilancarkan oleh kerajaan Malaysia untuk menjadikan negara ini maju dan mencapai pembangunan seimbang dari segi rohani dan jasmani. Rakyat Malaysia perlu menyahut sembilan cabaran yang terkandung dalam wawasan 2020 supaya wawasan ini dapat direalisasikan.

Berdasarkan **tiga nilai murni** yang dipelajari, huraikan peranan rakyat dalam usaha menyokong kerajaan merealisasikan cabaran di atas. [10m]

| Butiran : Nilai (N1) Huraian (H1) Contoh (H1)<br>KBAT -Fakta (H1) Tindakan (J1) Huraian (H1) Contoh (H1) | |
|---|---|
| T1<br>N1<br>H1<br>H2<br><br>H3<br><br>H4<br><br>H5<br>H6<br>H7<br>H8<br>H9 | • **mewujudkan perpaduan kaum / mengekalkan perpaduan kaum**<br>• **hidup bersama secara aman**<br>• hidup berbaik-baik antara satu sama lain supaya wawasan 2020 dapat dicapai<br>• harus mengelakkan daripada membangkitkan isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan dan mencetuskan rusuhan kaum.<br>• tidak mempertikaikan isu kedaulatan raja, hak keistimewaan golongan bumiputera dan lain-lain<br>• harus bertolak ansur antara satu sama lain bagi mengelakkan prasangka yang dapat mencetuskan pergaduhan / tidak bergaduh dan dengki-mendengki<br>• harus bersatu-padu tanpa mengira kaum dan bangsa demi keamanan negara<br>• harus menjalin hubungan baik antara kaum dan saling menghormati antara satu sama lain<br>• harus utamakan perpaduan nasional<br>• dapat memastikan keamanan negara terpelihara<br>• dapat utamakan integrasi nasional |
| T2<br>N2<br>H10<br><br>H11<br>H12<br><br>H13<br>H14<br>H15<br>H16<br>H17 | • **memajukan negara dalam pelbagai bidang**<br>• **saling membantu dan bekerjasama**<br>• memiliki usaha yang baik dan membina untuk mencapai wawasan negara menjadi sebuah negara maju<br>• berdaya upaya untuk merealisasikan wawasan 2020<br>• berusaha bersama-sama/ bekerjasama / berganding bahu untuk menjayakan segala program yang dilancarkan oleh kerajaan<br>• menyokong dasar pembangunan negara untuk membawa Malaysia ke arah negara maju<br>• Dasar Pembangunan Nasional<br>• menjadi rakyat yang celik huruf dan celik ICT<br>• berganding bahu untuk menjayakan wawasan nasional<br>• sepakat untuk menghadapi 9 cabaran |

| | |
|---|---|
| T3<br>N3<br>H18<br>H19<br>H20<br>H21<br>H22<br>H23 | • **mengamalkan budaya penyayang**<br>• **kasih sayang**<br>• mempunyai kepekaan / prihatin terhadap gejala sosial dalam masyarakat<br>• perbanyakkan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, kerja sukarela<br>• mengadakan kempen derma darah, kempen keluarga bahagia, kempen anti dadah, dll<br>• bersikap penyayang dengan menghulurkan bantuan secara ikhlas<br>• Meletakkan kepentingan masyarakat melebihi kepentingan diri / tidak individualistik<br>• berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan kempen-kempen kerajaan |
| T4<br>N4<br><br>H24<br>H25<br>H26<br>H27<br>H28<br>H29 | • **menjana idea untuk menjayakan wawasan negara**<br>• **kerajinan**<br>• berusaha gigih meningkatkan ilmu pengetahuan sains dan teknologi<br>• mendalami dan menguasai kemahiran teknologi maklumat (ICT)<br>• bersikap inovatif ,kreatif dan berdaya maju untuk menjayakan wawasan negara<br>• gigih dalam membuat kajian dan penyelidikan untuk kemajuan negara<br>• mengaplikasikan ilmu yang dipelajari untuk menghasilkan inovasi agar negara Malaysia<br>• setanding dengan negara-negara lain dari segi R&D (Penyelidikan dan pembangunan) |
| N5 | • **rasional** |
| Terima | 3 Nilai (maksima) + 7 Huraian / Contoh |

**Contoh esei tidak menanya nilai**

> Sukarnya untuk mencari pekerjaan pada masa sekarang. Menyesalnya aku tidak belajar bersungguh-sungguh. Kalau aku tahu begini jadinya, dari dahulu lagi aku telah merancang agar mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang dan mendapat pekerjaan yang lebih baik.

**1. Terangkan kepentingan menguruskan masa dengan baik. [10]**

Kepentingan menguruskan masa dengan baik ialah mengelakkan kerja tertangguh. **Nilai bertanggungjawab**. Pelajar sanggup memikul tugas dengan menyiapkan latihan. Pelajar yang menguruskan masa dengan baik akan melakukan kerja rumah yang diberikan oleh guru setiap hari. **Nilai rasional**. Pelajar boleh berfikir untuk membuat semua kerja yang diberikan kepadanya. Pelajar yang menguruskan masa dengan baik boleh mengulangkaji. **Nilai berdikari**. Pelajar boleh melakukan semua kerja dengan sendiri. Pelajar mempunyai masa depan yang cerah. Pelajar boleh mengelakkan tekanan. Pelajar dapat mencapai cita-cita dengan menguruskan masa dengan baik. Pelajar akan dapat keputusan yang baik dalam pelajaran.

**2. Latihan Esei BP1 nilai Amanah**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab untuk membanteraskan perbuatan rasuah. Huraikan **tindakan** yang sepatutnya diambil oleh pegawai SPRM untuk mencegah perbuatan rasuah semasa menjalankan tugas. [10markah]

**Skema Jawapan Soalan Esei Amanah**
**Terima watak : pegawai SPRM / mereka**

| Bil | Nilai | M | Penerangan/huraian/contoh | M |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **Amanah** | 1m | ♦ Pegawai SPRM harus bersikap bertanggungjawab ketika menjalankan tugas.<br>♦ Mereka harus melaksanakan etika kerja dengan baik dan jujur.<br>♦ Pegawai SPRM harus bekerja dengan jujur sehingga menimbulkan kepercayaan / keyakinan orang lain.<br>♦ Mereka harus boleh berurusan dengan telus agar lebih dihormati oleh masyarakat. | 1m<br>1m<br>1m<br>1m |
| 2 | **Rasional** | 1m | ♦ Pegawai SPRM harus boleh berfikir kesan buruk jika mereka tidak menjalankan tugas mereka dengan tegas.<br>♦ Penyiasatan mereka harus dapat menimbulkan keyakinan masyarakat.<br>♦ Mereka juga harus mengambil tindakan yang wajar semasa menjalankan tugas penyiasatan.<br>♦ Pegawai SPRM harus menyiasat sesiapa sahaja yang terlibat dalam perbuatan rasuah secara objektif. | 1m<br>1m<br>1m<br>1m |
| 3 | **Mematuhi peraturan dan undang-undang** | 1m | ♦ Pegawai SPRM harus menerima peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan rasuah.<br>♦ Mereka harus akur kepada Akta Pencegahan Rasuah 1997.<br>♦ Pegawai SPRM harus mematuhi peraturan dan undang-undang pencegahan rasuah supaya dapat menjauhi diri daripada perbuatan rasuah.<br>♦ Perbuatan rasuah adalah salah dari segi undang-undang. | 1m<br>1m<br>1m<br>1m |
| 4 | **Keadilan** | 1m | ♦ Pegawai SPRM harus menjalankan tugas mereka dengan tidak berat sebelah supaya masyarakat mempercayai mereka.<br>♦ Mereka harus melakukan penyiasatan perbuatan rasuah yang dilaporkan kepada mereka dengan adil.<br>♦ Pegawai SPRM harus menyiasat perbuatan rasuah dengan saksama.<br>♦ Mereka harus melakukan penyiasatan rasuah terhadap sesiapa yang terlibat tanpa mengira status sosial mereka yang memberi dan menerima rasuah. | 1m<br>1m<br>1m<br>1m |
| 5 | **bertanggungjawab** | 1m | ♦ Pegawai SPRM harus melaksanakan tugas sebagai pencegah rasuah dengan jujur<br>♦ Mereka seharusnya bertindak pantas untuk memerangi kes rasuah apabila menerima laporan dari orang ramai<br>♦ Pegawai SPRM patut tidak mencuri tulang / tidak menyeleweng dari tugas / tidak menyelahgunaan kuasa.<br>♦ Mereka harus tahu bahawa perbuatan rasuah akan mendatangkan kesan buruk iaitu menjejaskan imej diri / negara | 1m<br>1m<br>1m<br>1m |

3. Berikut ialah jenis-jenis tenaga mesra alam.

**Tenaga Mesra Alam**

| | | | |
|---|---|---|---|
|  |  |  |  |
| **Tenaga Biomas** | **Tenaga Air** | **Tenaga Angin** | **Tenaga Solar** |

**Pilih dan jelaskan kepentingan** sumber-sumber tenaga mesra alam yang dapat dijadikan sumber tenaga alternatif masa depan berdasarkan alasan terperinci dengan sokongan nilai-nilai murni yang anda pelajari. [10m]

| Soalan | **Butiran : Nilai (N1) Huraian (H1) Contoh (H1)**<br>**KBAT -Fakta (H1) Tindakan (J1) Huraian (H1) Contoh (H1)** | Markah |
|---|---|---|
| 9 | Pilihan1 : Tenaga Alternatif 1 - **Tenaga Solar** | J1 |
| | Kita perlu mengekalkan ekosistem. | H1 |
| | Misalnya kita perlu menjaga keseimbangan ekosistem. | H1 |
| | Kita perlu membaik pulih alam sekeliling . | H1 |
| | Misalnya menggunakan tenaga mesra alam. | H1 |
| | Pilihan 2 : **Tenaga Biomass** | J2 |
| | Negara kita banyak mengeluarkan sisa pertanian. | H1 |
| | Misalnya sisa kelapa sawit boleh dijadikan tenaga biomass. | H1 |
| | | |
| | Pilihan 3 : Tenaga Alternatif 3 – **Hidro Elektrik** | J3 |
| | Kita perlu guna tenaga mesra alam. | H1 |
| | Misalnya tenaga elektrik tidak mencemarkan alam seperti tenaga fosil. | H1 |
| | Tenaga mesra alam menjamin kesihatan manusia. | H1 |
| | Misalnya tenaga elektrik tidak mencemaran udara seperti disel. | H1 |
| | **Pilihan 4 : Tenaga Ombak / Tenaga Angin / Tenaga Nuklear** | |
| Nilai | **Nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar** | |
| | **Nilai keharmonian antara manusia dengan alam sekitar** | |
| | **Nilai kemapanan alam sekitar** | |
| | **Nila peka terhadap isu-isu alam sekitar** | |
| | **Nilai rasional** | |
| | **Nilai bertanggungjawab** | |
| | | |
| Catatan | 3 Nilai + 7 Huraian / Contoh | Mak 10m |




4. Pendermaan dan pemindahan organ bukanlah satu perkara yang baru dalam dunia perubatan di Malaysia tetapi kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan pendermaan organ masih pada peringkat yang amat rendah. Antara tahun 1997 hingga September 2005, seramai 90,000 penderma organ bersetuju menderma organ.

Huraikan **strategi yang berkesan** untuk memupuk penyertaan dan kesedaran mendaftarkan diri sebagai penderma organ bagi merealisasikan budaya penyayang dalam kalangan masyarakat di negara kita. [10m]

| Soalan | Butiran : Nilai (N1) Huraian (H1) Contoh (H1)<br>KBAT -Fakta (H1) Tindakan (J1) Huraian (H1) Contoh (H1) | Markah |
|---|---|---|
| 11 | Strategi 1 : **Kempen kesedaran** | J1 |
| | H 1 : peka terhadap pesakit yang memerlukan organ | H1 |
| | C1 : kanser hati, kerosakan buah pinggang dsb. | H1 |
| | H 2 : memupuk budaya penyayang | H1 |
| | C2 : sedia selamatkan nyawa pesakit. | H1 |
| | | |
| | Strategi 2 : **Melancarkan Kad Derma Organ** | N1 |
| | H 3 : menerangkan keperluan menjadi penderma organ | H1 |
| | C3 : banyak pesakit yang menanti organ untuk hidup | H1 |
| | H4 : memberi keistimewaan kepada penderma | H1 |
| | C4 : keutamaan rawatan kesihatan | |
| | | |
| | Strategi 3 : **Mendapatkan sokongan keagamaan** | N1 |
| | H 5 : derma organ tidak menyalahi anutan agama | H1 |
| | C 5 : berkat menjadi penderma organ | H1 |
| | H 6 : majlis agama memberi sokongan | H1 |
| | C6 : anjur hari mendaftar penderma organ. | H1 |
| | | |
| | Strategi 4 : **memudahkan proses pendaftaran** | N1 |
| | H7 : kurangkan prosedur mengisi borang | H1 |
| | | |
| | Nilai : kasih sayang, rasional | |
| Catatan | 1@2 @ 3 strategi + 7 huraian / Contoh. | Mak 10m |

**5 Berikut ialah berita tentang jenayah siber yang kian mengancam pengguna Internet di seluruh dunia.**

| |
|---|
| Mei 22, 2012- Laporan terkini dikeluarkan pihak CyberSecurity menunjukkan kadar jenayah siber di negara ini meningkat sehingga 88 peratus pada tahun lepas berbanding hanya 8090 kes pada tahun sebelumnya.<br>Paling membimbangkan, isu jenayah siber mengheret pelbagai peringkat usia, termasuk kanak-kanak dan remaja ke kancah berkenaan sehingga boleh meruntuhkan integriti generasi muda jika tidak dibendung.<br>*- Berita Harian* |

**Sebagai pengguna Internet, jelaskan cara yang berkesan untuk mengelakkan anda menjadi mangsa jenayah siber. [10m]**

| Bil. | Huraian | Markah |
|---|---|---|
| F1<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4 | ■**Saya memasang fungsi-fungsi keselamatan seperti penggunaan antivirus**<br>■**Nilai rasional**<br>■Saya bertindak wajar mengatasi masalah jenayah siber.<br>■Saya juga berfikir kepentingan pemasangan fungsi keselamatan supaya komputer saya tidak diserang oleh virus<br>■Penggunaan antivirus dapat lindungi komputer dari ancaman virus<br>■Contoh perisian antivirus adalah seperti Avira, Kaspersky, AVG | 1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1 |
| F2<br><br>H5<br>H6 | ■ **Saya mengabaikan/ tidak terpengaruh dengan iklan dan promosi yang tidak pasti / laman web yang mencurigakan**<br>■Saya tidak mempercayai iklan mendapat wang percuma di internet<br>■Iklan mungkin menyebabkan saya tertipu / kerugian wang | 1<br>1<br>1 |
| F3<br><br>H7<br>H8<br>H9 | ■**Saya berhemah dalam penggunaan internet dengan mengelakkan dari melayari laman lucah**<br>■**Nilai harga diri**<br>■Saya menjaga maruah diri dengan tidak terpengaruh dengan laman lucah<br>■Laman tersebut turut menyebabkan komputer menerima virus | <br>1<br>1<br>1<br>1 |
| F4<br>H10<br>H11<br><br>H12<br><br>H13 | ■**Saya tidak berkongsi maklumat peribadi dengan orang yang tidak dikenali**<br>■**Nilai rasional**<br>■Saya boleh berfikir kesan memberi maklumat peribadi kepada orang yang tidak dikenali<br>■Saya tidak membalas mesej / emel yang bertanya mengenai diri / maklumat kewangan<br>■Saya akan menghubungi pihak yang berkaitan seperti bank untuk mendapatkan kepastian | 1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1 |
| F5<br>H14 | ■ **Saya memasang alat anti godam dalam komputer saya**<br>■Saya akan hidupkan spam blocker untuk cegah mesej yang tidak diperlukan | 1<br>1 |

6 Logo berikut menunjukkan ancaman dadah kepada negara.




Dadah boleh merosakKan diri anda, memusnahkan kebahagiaan keluarga dan mengancam keharmonian negara.

Terangkan **lima cara** anda membanteras dadah bagi memelihara dan mengekalkan keharmonian negara. [10m]

| | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| **F1** | • **Saya tidak menyalahguna dadah** | **1** |
| **H1** | • **Dadah boleh memusnahkan masa depan saya** | **1** |
| **H2** | • **Rasional** | **1** |
| **H3** | • **Saya boleh berfikir / bertindak wajar dengan tidak menagih dadah** | **1** |
| **F2** | • **Saya tidak menjual / mengedar dadah** | **1** |
| **H4** | • **mematuhi peraturan dan undang-undang** | **1** |
| **H5** | • **saya menerima / mematuhi undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952** | **1** |
| **H6** | • **Menjual / mengedar dadah adalah salah di sisi undang-undang** | **1** |
| **H7** | • **Dadah boleh merosakkan masa depan pemuda** | **1** |
| **H8** | • **Pemuda yang menagih dadah tidak dapat berkhidmat / berbakti kepada negara** | **1** |
| **F3** | • **Saya melaporkan kejadian penyalahgunaan dadah kepada pihak berkuasa** | **1** |
| **H9** | • **kasih sayang** | **1** |
| **H10** | • **saya kepekaan / perasaan cinta yang mendalam / berkekalan** | **1** |
| **H11** | • **Penyalahgunaan dadah boleh mengancam kehormonian negara** | **1** |
| **H12** | • **penagih dadah boleh bertindak tidak wajar dan mengancam keselamatan ahli masyarakat** | **1** |
| **F4** | • **Saya mengamalkan gaya hidup yang sihat** | **1** |
| **H13** | • **bertanggungjawab** | **1** |
| **H14** | • **Saya memikul / melaksanakan tugas / kewajipan untuk mengekalkan keharmonian negara daripada ancaman dadah** | **1** |
| **H15** | • **saya menyertai aktiviti sukarelawan / keagamaan / program rakan muda untuk mengelakkan dari terjebak ke lembah dadah** | **1** |

| | | |
|---|---|---|
| F5<br><br>H16<br>H17<br><br>H18 | • <u>Saya menjauhi rokok kerana rokoklah punca kepada penagihan dadah</u><br>• Harga diri<br>• saya memulia maruah diri / menjaga maruah diri demi menjamin masa depan yang cerah<br>• Saya terlibat dalam penagihan dadah boleh memusnahkan diri, keluarga dan keharmonian negara | <br>1<br>1<br><br>1<br><br>1 |
| F6<br><br>H19<br>H20<br><br>H21 | • <u>saya berganding bahu dengan kerajaan @ pihak tertentu untuk membanteras isu penyalahgunaan dadah</u><br>• saling membantu dan bekerjasama<br>• Saya mempunyai usaha yang baik dengan bertindak pantas dalam melaporkan kegiatan penyalahgunaan kepada pihak berkuasa<br>• Dengan itu, pihak berkuasa akan mengambil tindakan segera untuk menangani isu ini demi menjaga kesejahteraan masyarakat | <br>1<br>1<br><br>1<br><br>1 |
| F7<br><br>H22<br>H23 | • <u>saya menasihat rakan-rakan yang cenderung menagih dadah untuk menjauhi najis dadah</u><br>• saya mengajak kawan-kawan menyertai kempen "Dadah adalah Musuh Negara".<br>• Saya mempelajari ilmu agama untuk menguatkan jiwa dan rohani saya | <br>1<br>1<br>1 |
| F8<br>H24 | • <u>saya menolak ajakan kawan untuk merokok / menagih dadah</u><br>• saya bijak memilih kawan / tidak bergaul dengan kawan-kawan yang bermasalah. | 1<br><br>1 |
| F9<br>H25 | • <u>saya menghadiri ceramah dan pameran anti dadah</u><br>• saya melengkapkan diri dengan pengetahuan, kefahaman tentang dadah dan bahaya dadah | 1<br><br>1 |

<u>Jawapan Lengkap soalan 6 第6题完整的答案 ：</u>

Saya tidak menyalahguna dadah. Dadah boleh memusnahkan masa depan saya. Saya ada <u>nilai rasional</u>. Saya boleh berfikir dengan tidak menagih dadah.

Saya tidak menjual dadah. Saya <u>mematuhi peraturan dan undang-undang</u>. Saya mematuhi undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952. Menjual dadah adalah salah di sisi undang-undang. Dadah boleh merosakkan masa depan pemuda. Pemuda yang menagih dadah tidak dapat berkhidmat kepada negara.

Saya melaporkan kejadian penyalahgunaan dadah kepada pihak berkuasa. Saya ada <u>nilai kasih sayang</u>. saya kepekaan terhadap isu dadah. Penyalahgunaan dadah boleh mengancam kehormonian negara. Penagih dadah boleh bertindak tidak wajar dan mengancam keselamatan ahli masyarakat.

saya berganding bahu dengan kerajaan @ pihak tertentu untuk membanteras isu penyalahgunaan dadah.

saya menghadiri ceramah dan pameran anti dadah.

7. Berikut ialah jenis-jenis cukai yang dikutip oleh kerajaan Malaysia.

**JENIS-JENIS CUKAI DI MALAYSIA**

| |
|---|
| **Cukai Pendapatan**<br>**Cukai Perniagaan**<br>**Cukai Harta**<br>**Cukai Barang dan Perkhidmatan**<br>**Cukai Jualan** |

Huraikan **lima kepentingan** cukai kepada negara kita. [10m]

| | **Butiran** | **Markah** |
|---|---|---|
| **F1**<br>**H1**<br>**H2**<br>**H3**<br>**H4** | • **Kepentingan cukai ialah menambah pendapatan negara**<br>• **cukai pendapatan dan cukai perniagaan ialah sumber pendapatan negara**<br>• **cukai yang dikutip dapat menanggung perbelanjaan kerajaan**<br>• **Contoh; membayar gaji kakitangan kerajaan** | **1**<br>**1**<br>**1** |
| **F2**<br>**H5**<br>**H6** | • **Kepentingan cukai ialah mengerakkan pembangunan negara**<br>• **rasional**<br>• **Kerajaan harus boleh berfikir / mengambil tindakan wajar dalam mengagihkan kutipan cukai bagi tujuan pembangunan negara.** | **1**<br>**1**<br>**1** |
| **F3**<br>**H7**<br>**H8**<br>**H9** | • **Cukai dapat melindungi industri muda**<br>• **mematuhi peraturan dan undang-undang**<br>• **Rakyat akan menerima / mematuhi undang-undang pembayaran cukai kepada negara**<br>• **kutipan cukai import dapat melindungi industri tempatan** | **1**<br>**1**<br>**1**<br>**1** |
| **F4**<br>**H10**<br>**H11**<br>**H12** | • **Cukai dapat merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara golongan kaya dan miskin**<br>• **keadilan**<br>• **Rakyat akan mengambil tindakan / keputusan yang saksama / tidak berat sebelah dalam pembayaran cukai kepada kerajaan Malaysia**<br>• **mereka yang berpendapatan tinggi perlu membayar cukai lebih banyak daripada mereka yang berpendapatan rendah** | **1**<br>**1**<br>**1**<br>**1** |
| **F5**<br>**H13**<br>**H14**<br>**H15** | • **Cukai digunakan untuk menyediakan infrastruktur**<br>• **bertanggungjawab**<br>• **Semua rakyat memikul / melaksanakan tugas / kewajipan sebagai seorang rakyat kepada negara**<br>• **bayaran cukai membolehkan kerajaan membangunkan kemudahan seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik kepada rakyat** | **1**<br>**1**<br>**1**<br>**1** |
| **F6**<br>**H16** | • **Cukai dapat meningkatkan tahap keselamatan negara**<br>• **Kerajaan dapat menambah bilangan anggota keselamatan melalui kutipan cukai** | **1**<br>**1** |
| **F7**<br>**H17** | • **Kepentingan cukai ialah dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan**<br>• **Banyak peluang pekerjaan diwujudkan dalam industri muda / Lembaga Hasil Dalam Negeri** | **1**<br>**1** |

8. Berikut adalah petikan akhbar berkaitan kejayaan seorang penternak ayam kampung.

> SEGAMAT, 2 Februari – Soh Ah Pin , 40 tahun, pernah bertugas sebagai kerani di Majlis Daerah Segamat sebelum menceburi bidang penternakan ayam kampung. Pada awalnya, beliau bimbang dan kurang yakin dengan keputusan itu namun akhirnya Soh Ah Pin berjaya menjadi penternak dan pembekal ayam kampung di daerah ini.
>
> Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Malaysia

Apakah **faktor utama** yang mendorong kejayaan di atas ? Terangkan **usaha-usaha** yang boleh diambil oleh seseorang individu untuk mengekalkan kejayaan. [10m]

| | Bil | Tindakan / Keputusan / Huraian | Markah |
|---|---|---|---|
| Soh Ah Pi | N1 | Kerajinan | 1 |
| | N2 | Berdikari | 1 |
| | N3 | Rasional | 1 |
| | N4 | Bertanggungjawab | 1 |
| | N5 | Harga diri | 1 |
| | F1 | ingin memajukan diri dalam bidang yang lain | 1 |
| | F2 | meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih baik | 1 |
| | F3 | ingin berjaya dalam kehidupan | 1 |
| | F4 | ingin membekalkan ayam kampung yang berkualiti / menjadi pembekal ayam kampung yang utama | 1 |
| INDIVIDU | U1 | Berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu yang diminati | 1 |
| | H2 | Usaha berterusan / semangat ketekunan sehingga mencapai kejayaan | **1** |
| | H3 | Dapat menjana lebih pendapatan / keuntungan | **1** |
| | H4 | Tidak kenal erti putus asa sekiranya gagal | **1** |
| | H5 | Masa depan lebih terjamin | 1 |
| | H6 | Berani menceburi bidang lain / sanggup menghadapi risiko | 1 |
| | H7 | Tanpa bergantung kepada orang lain | 1 |
| | U8 | Mempunyai keazaman yang tinggi untuk berjaya / mencapai matlamat | 1 |
| | H9 | Memperoleh lebih kepuasan dalam diri | 1 |
| | H10 | tidak semata-mata mengharapkan bantuan daripada orang lain untuk berjaya | 1 |
| | U11 | Menguasai ilmu terkini mengikut perkembangan semasa | 1 |
| | H12 | Memikul tugas meluaskan ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa | 1 |
| | H13 | Lebih cekap / berkebolehan dalam bidang yang diceburi | 1 |
| | U14 | Membuat perancangan masa depan | 1 |
| | H15 | Bertindak wajar menyertai kursus / bengkel yang berkaitan dengan bidang yang diceburi | 1 |
| | H16 | Berpandangan jauh tentang masa depan | 1 |
| | H17 | Ada inisiatif untuk memajukan diri | 1 |
| | U18 | Dapat meningkatkan kemahiran diri dalam sesuatu bidang | 1 |
| | H19 | Berupaya memuliakan maruah diri untuk mengekalkan kejayaan | 1 |
| | H20 | Sentiasa memperbaiki kelemahan diri | 1 |
| | H21 | Mempunyai keyakinan diri yang tinggi terhadap kebolehan diri | 1 |

- Terima mana-mana 3 faktor + 3 usaha + 3 nilai + 1 huraian = 10 markah
- Terima mana-mana 2 faktor + 2 usaha + 3 nilai + 3 huraian = 10 markah
- Terima mana-mana 1 faktor + 1 usaha + 3 nilai + 5 huraian = 10 markah
- Terima man-mana pasangan yang meliputi faktor + usaha + nilai = 10 markah
- Maksima terima 3 NILAI sahaja
- Terdapat 2 watak dalam esei ini

**Contoh esei membuat keputusan / membuat pilihan**
**(setuju / tidak setuju; wajar / tidak wajar; sesuai / tidak sesuai)**

1 Berikut merupakan empangan yang terdapat di Malaysia dan dunia.






- Empangan Aswan, Mesir
- Empangan Hoover, Amerika Syarikat
- Empangan Bakun
- Empangan Chenderoh
- Empangan Klang Gates
- Empangan Temengor
- Empangan Kenyir
- Empangan Bekok
- Empangan Sungai Muda
- Empangan Tiga Gaung, China
- Empangan Grand Canyon, Amerika Syarikat

Pembinaan empangan biasanya menimbulkan kontroversi. Hal ini kerana empangan bukan sahaja membawa kebaikan kepada manusia tetapi juga boleh mendatangkan masalah kepada alam sekitar.

**Setujukah anda jika sebuah empangan baru dibina di kawasan anda.**
Huraikan **tiga** alasan anda. [10m]

| | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| **F1** | **Setuju** | **1** |
| **H1** | • Menjana kuasa hidro elektrik | **1** |
| **H2** | • Air di sungai yang mengalir deras diempangkan bagi mengerakkan turbin dan motor generator untuk menghasilkan tenaga | **1** |
| **H3** | • Empangan Bakun di Sarawak boleh membekalkan 1,700 megawatt pada 11 sen seunit. | **1** |
| **H4** | • Contohnya; Empangan Bakun di Sarawak, Empangan Kenyir di Terengganu, Empangan Tiga Gaung di China | **1** |

| | | |
|---|---|---|
| H5 | • Membekalkan air yang bersih | 1 |
| H6 | • Air di sungai diproses untuk menjadi air yang bersih di empangan | 1 |
| H7 | • Air bersih dibekalkan ke kediaman untuk kegunaan harian | 1 |
| H8 | • Contohnya; Empangan Durian Tunggal di Melaka, Empangan Klang Gate di Selangor, Empangan Aswan di Mesir | 1 |
| H9 | • Mengairi kawasan pertanian | 1 |
| H10 | • Dibina di negeri-negeri pertanian seperti Kedah, Perak dan Kelantan bagi tujuan pertanian sawah padi | 1 |
| H11 | • Contohnya; Empangan Sungai Muda di Kedah | 1 |
| H12 | • Mengawal banjir / menebat banjir | 1 |
| H13 | • Menakung air hujan yang berlebihan dalam empangan | 1 |
| H14 | • Melambatkan aliran air yang berlebihan ke kawasan rendah | 1 |
| | • Tidak berlaku banjir di kawasan yang rendah | 1 |
| H15<br>H16 | • Contoh; Empangan Bekok di Johor, Empangan Pelagus di Sarawak. | 1 |
| H17 | • Tempat rekreasi | 1 |
| H18 | • Pemandangan yang indah di kawasan empangan | 1 |
| H19 | • Air yang jernih, udara yang nyaman, pemandangan yang luas | 1 |
| H20 | • Contoh; Empangan Kenyir di Terengganu, Tasik Temengor hasil dari Empangan Temengor di Perak | 1 |
| H21 | • Menambahkan pendapatn negara | 1 |
| H22 | • Empangan Bakun boleh menjana pendapatan setahun hampir kepada RM1.6 bilion | 1 |

ATAU

| Butiran | | Markah |
|---|---|---|
| F1 | Tidak setuju | 1 |
| H1 | ■ Pengondolan hutan | 1 |
| H2 | ■ pembinaan empangan boleh memusnahkan hutan secara besar-besaran | 1 |
| H3 | ■ pokok-pokok perlu ditebang bagi mengubah hutan kepada empangan | 1 |
| H4 | ■ Menjejaskan ekologi | 1 |
| H5 | ■ Perubahan landskap dari hutan kepada empangan menjejaskan fungsi hutan | 1 |
| H6 | ■ kepupusan flora dan fauna | 1 |
| H7 | ■ habitat flora dan fauna musnah / diganggu kerana perubahan landskap | 1 |
| H8 | ■ berlaku perpindahan fauna dari hutan ke hutan lain | 1 |
| H9 | ■ menghalang ikan Salmon kembali ke hulu sungai untuk membiak | |
| H10 | ■ Penduduk asli perlu dipindah | 1 |
| H11 | ■ tempat tinggal mereka telah dibina empangan | 1 |
| H12 | ■ contoh; seramai 9000 penduduk Penan di sekitar Empangan Bakun di Sarawak telah dipindah | 1 |
| H13 | ■ kawasan tadahan hujan terjejas | 1 |
| H14 | ■ hutan merupakan tadahan hujan telah ditebang untuk membina empangan | 1 |
| H15 | ■ fungsi hutan sebagai penyimpan air hujan telah dirosakkan | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| H16 | ■ Kehilangan tapak-tapak arkeologi dan budaya yang bernilai | 1 |
| H17 | ■ petempatan yang asli dan asal telah hilang | 1 |
| H18 | ■ contoh; petempatan orang asli di Sarawak dan Amerika Syarikat. | 1 |

- **Jika calon menggunakan nilai, terima nilai yang sesuai sahaja.**
- **bagi calon yang TIDAK SETUJU, terima 4 nilai alam sekitar dan rasional.**
- **Bagi penerangan nilai, hanya terima SALAH satu kata kunci sahaja.**

**Jawapan lengkap soalan1 第1题完整的答案 ：**

你可以选择认同 / 不认同。（你只可以选其中一个。如果你选择认同，你就从头到尾要认同，不可以在半途改变主意；如果你在半途中改变主意，你将会拿0分！你只可以选择2个格子里的其中一组答案！）

**Saya setuju jika sebuah empangan baru dibina di kawasan saya.**

**Pembinaan empangan boleh menjana kuasa hidro elektrik. Air di sungai yang mengalir deras boleh diempangkan bagi mengerakkan turbin dan motor generator untuk menghasilkan tenaga. Contohnya; Empangan Bakun di Sarawak, Empangan Kenyir di Terengganu, Empangan Tiga Gaung di Chi.**

**Pembinaan empangan juga dapat membekalkan air yang bersih. Air di sungai diproses untuk menjadi air yang bersih di empangan. Air bersih dibekalkan ke kediaman untuk kegunaan harian. Contohnya; Empangan Durian Tunggal di Melaka, Empangan Klang Gate di Selangor, Empangan Aswan di Mesir.**

**Pembinaan empangan dapat mengairi kawasan pertanian. Empangan dibina di negeri-negeri pertanian seperti Kedah, Perak dan Kelantan bagi tujuan pertanian sawah padi. Contohnya; Empangan Sungai Muda di Kedah.**

**ATAU**

**Saya tidak setuju jika sebuah empangan baru dibina di kawasan saya.**

**Pembinaan empangan akan menggondolan hutan. Saya mengamalkan nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar. Saya ada kesedaran untuk memelihara alam sekitar kerana pembinaan empangan boleh memusnahkan hutan secara besar-besaran. Pokok-pokok perlu ditebang bagi mengubah hutan kepada empangan.**

**Pembinaan empangan akan menjejaskan ekologi. Saya mengamalkan nilai peka terhadap isu-isu alam sekitar. Saya prihatin terhadap persoalan yang berkaitan dengan alam sekitar kerana perubahan landskap dari hutan kepada empangan menjejaskan fungsi hutan.**

**Kepupusan flora dan fauna jika empangan dibina di kawasan saya. Saya mengamalkan nilai rasional. Saya boleh berfikir kesan buruk pembinaan empangan terhadap alam sekitar. Habitat flora dan fauna diganggu kerana perubahan landskap. Pembinaan empangan menyebabkan berlakunya perpindahan fauna dari hutan ke hutan lain. Contohnya, pembinaan Empangan Grand Canyon di Amerika Syarikat menghalang ikan Salmon kembali ke hulu sungai untuk membiak.**

10. Keratan akhbar berikut tentang kes kehilangan kanak-kanak di negara kita.



Pencarian Sharlinie – masih hilang
Utusan Malaysia



Pencarian Nurin - akhirnya kematian-
Berita Harian



Asmawi - hilang ketika bermain di taman
Utusan Malaysia

**Kanak-kanak Hilang**

**Kes pertama** : adik Nur Fatiha Zaidi, 6, dilaporkan diculik oleh seorang lelaki ketika bermain pada pukul 5 petang di pekarangan flat Desa Sepakat Sri Manja. Bagaimanapun, Nur Fatiha berjaya ditemui semula setelah kanak-kanak itu ditinggalkan penculik di Wangsa Maju kira-kira tiga jam kemudian.

**Kes kedua** : adik Sharlinie Mohd Nashar, 5, dilaporkan hilang pada pukul 11.30 pagi Rabu lalu ketika dalam perjalanan pulang bersama kakaknya Sharliena, 8, selepas bermain di taman permainan berdekatan rumahnya di Jalan PJS2C/11N , Taman Medan.

Apakah perasaan anda apabila melihat situasi di atas ? Huraikan tiga tindakan yang perlu diambil oleh ibu bapa bagi mengelakkan berlakunya kejadian di atas kepada anak-anak mereka berdasarkan nilai-nilai murni yang anda pelajari. [10m]

Terima Watak : **Ibu Bapa**

| Bil | Nilai / huraian / contoh huraian | Markah |
|---|---|---|
| **T** | **Sedih / kecewa / marah / semua perasaan negatif** | **1** |
| **N1** | **Rasional** | 1 |
| **N2** | **Bertanggungjawab** | 1 |
| **N3** | **Tanggungjawab terhadap keluarga** | 1 |
| **N4** | **kasih sayang** | 1 |
| **N5** | **Kasih sayang terhadap keluarga** | 1 |
| **N6** | **Melindungi hak kanak-kanak** | 1 |
| **F1** | **memberi perlindungan kepada anak-anak** | **1** |
| **H1** | anak-anak masih kecil dan belum mampu melindungi diri sendiri terhadap sebarang bentuk ancaman | 1 |
| **H2** | memainkan peranan sebagai ketua keluarga untuk menjaga keselamatan anak-anak | 1 |
| **H3** | tidak boleh melepaskan tanggungjawab tersebut dengan leka membuat kerja sendiri | 1 |
| **H4** | tidak membiarkan anak bersendirian tanpa pengawasan orang dewasa | 1 |
| **H5** | meluangkan masa bersama dengan anak / menemani anak-anak ke mana-mana mereka pergi untuk memastikan keselamatan mereka terjamin. | 1 |
| **F2** | **menasihati dan mengajar anak-anak tentang cara-cara menjaga diri** | **1** |
| **H6** | anak-anak terlalu mudah dan cepat mempercayai orang yang baru dikenali | 1 |
| **H7** | berani mengikut orang yang tidak dikenali kerana disogokkan dengan gula-gula | 1 |
| **H8** | perkara sebegini memudahkan kanak-kanak itu diculik | 1 |
| **H9** | menasihati anak-anak agar tidak mengikut orang yang tidak dikenali walaupun diberikan gula-gula atau sebarang pemberian | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| **H10** | mengajar anak-anak supaya menjerit dan menangis dengan sekuat hati apabila dipaksa mengikut arahan orang yang tidak dikenali | 1 |
| **H11** | tidak keluar rumah seorang diri / tidak berada di kawasan sunyi | 1 |
| **F3** | **memantau / mengawasi pergerakan anak-anak** | **1** |
| **H12** | prihatin dan ambil berat keselamatan anak-anak | 1 |
| **H13** | pastikan anak-anak tidak terdedah kepada bahaya | 1 |
| **H14** | ketahui keberadaan anak-anak | 1 |

- **Terima 1 perasaa + 3 tindakan + 3 nilai + 3 huraian = 10 markah**
- **Terima 1 perasaa + 3 tindakan + 2 nilai + 4 huraian = 10 markah**
- **Terima 1 perasaa + 3 tindakan + 1 nilai + 5 huraian = 10 markah**
- **Maksima terima 3 NILAI sahaja**

# PENGUMUMAN

**Aktiviti Gotong Royong**




**Tarikh : 09 Ogos 2014 (Sabtu)**
**Masa : 8.00 pagi**
**Kehadiran : WAJIB untuk semua penghuni Taman Indah**
**Tempat berkumpul : Dewan Serbaguna Taman Indah**

3 Gambar di atas menunjukkan pengumuman penyertaan aktiviti gotong-royong yang diadakan oleh Persatuan Penduduk Taman Indah untuk membanteras pembiakan nyamuk Aedes.

**Wajarkah** pihak Persatuan Penduduk Taman Indah mewajibkan kehadiran semua penghuni taman tersebut?
Huraikan implikasi positif pelaksanaan aktiviti gotong-royong ini. [10m]

| Bil. | Butiran (Nilai/ Maksud Nilai/ Isi/ Huraian/ Contoh) | Markah |
|---|---|---|
| **Wajar (0 markah jika tiada pendirian)** | | |
| **Watak : Persatuan Penduduk Taman Indah** | | |
| T | **Wajar / Memang wajar pihak Persatuan Penduduk Taman Indah mewajibkan kehadiran semua penghuni taman tersebut kerana pelaksanaan aktiviti gotong-royong itu dapat memberi implikasi positif.** | 1 |
| F1 | **mencegah penyakit berjangkit daripada merebak di kawasan kediaman / dapat mewujudkan taman bebas daripada Aedes** | 1 |
| H1 | **Nilai peka terhadap isu-isu alam sekitar** | 1 |
| H2 | Persatuan Penduduk Taman Indah berusaha menyelesaikan masalah longkang daripada tersumbat. | 1 |
| H3 | Persatuan Penduduk Taman Indah bertindak membersihkan kawasan takungan air yang berpotensi menjadi kawasan pembiakan jentik-jentik seperti bekas tayar-tayar buruk, saluran parit bertakung dan tin-tin kosong | 1 |
| H4 | Persatuan Penduduk Taman Indah dapat mencegah pembiakan nymuk aedes daripada membiak | 1 |
| H5 | Persatuan penduduk Taman Indah prihatin terhadap masalah pembiakan nymuk Aedes | 1 |
| H6 | Persatuan Penduduk Taman Indah sedar cara berkesan membenteras masalah ini ialah membersihkan kawasan kediaman mereka | 1 |
| H7 | Hal ini dapat memastikan tempat tinggal di taman selamat dan bebas daripada wabak denggi yang boleh membawa maut. | |
| F2 | **menjimatkan masa dan tenaga membersihkan taman** | 1 |
| H8 | **Nilai rasional** | 1 |
| H9 | Persatuan Penduduk Taman Indah boleh berfikir kebaikan kerja gotong-royong | 1 |
| H10 | Persatuan Penduduk Taman Indah dapat membersihkan taman dalam masa singkat atas penglibatan semua penghuni. | 1 |
| F3 | **memupuk semangat kejiranan dalam kalangan penduduk** | 1 |
| H11 | **Nilai saling membantu dan bekerjasama** | 1 |
| H12 | Persatuan Penduduk Taman Indah mempunyai usaha yang baik dan membina / dilakukan bersama untuk membersihkan kawasan persekitaran taman | |
| H13 | Persatuan Penduduk Taman Indah melakukan gotong royong bersama membersihkan persekitaran taman mereka | 1 |
| H14 | Mereka berganding bahu menyumbang tenaga untuk membersihkan parit, memeriksa tempat pembiakan nyamuk aedes dan menyembur ubat pembasmi nyamuk | |
| H15 | Persatuan Penduduk Taman Indah bekerjasama dalam menjaga kebersihan taman. | 1 |
| F4 | **mewujudkan perpaduan kaum** | 1 |
| H16 | **Nilai hidup bersama secara aman** | 1 |
| H17 | Persatuan Penduduk Taman Indah mengutamakan kedamaian hidup melalui amalan gotong-royong | 1 |
| H18 | Aktiviti gotong royong ini dapat memupuk rasa kekitaan di kalangan | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| | penduduk berlainan kaum. | |
| H19 | penduduk taman pelbagai kaum dapat berinteraksi, bergaul mesra dan berkenalan antara satu sama lain | |
| H20 | membersihkan kawasan taman sambil berbual-bual dan bertanya khabar jiran pelbagai kaum | |
| H20 | perpaduan kaum akan terjalin | |
| F5 | **memupuk sifat penyayang terhadap kesihatan penduduk** | 1 |
| H22 | **Nilai kasih sayang** | 1 |
| H23 | Persatuan Penduduk Taman Indah menunujukkan kepekaan terhadap masalah nyamuk aedes yang telah mengancam kesihatan penduduk. | 1 |
| H24 | Keselamatan nyawa penduduk taman terjamin jika kawasan pembikan nyamuk aedes dihapuskan | 1 |

**ATAU**

**Tidak Wajar**
**Ada penduduk yang bekerja pada hari tersebut / tidak patut diwajibkan kerana membebankan penduduk yang bekerja**

**Jika calon jawab tidak wajar, maksima 2 markah sahaja**

****soalan yang mendatangkan kebaikan / kesan positif kepada masyarakat. Mesti sokong soalan untuk dapat markah penuh !**

**Latihan esei**

4. Dialog berikut berkaitan dengan kempen Menanam Pokok.

| | | |
|---|---|---|
| Salma | : | Saya gembira dengan tindakan kerajaan kita yang melancarkan Kempen Menanam pokok. |
| Meena | : | Jika kempen ini berjaya, negara kita akan lebih ceria kerana matlamat kempen ini adalah menanam 20 juta pokok menjelang tahun 2020. |
| Salma | : | Bukan ceria sahaja, malah udara akan lebih sejuk dan nyaman. Pokok-pokok yang ditanam akan menyegarkan pemandangan dan dapat menyeimbangkan suhu. Taklah panas sangat, walaupun kita tinggal di bandar. |
| Meena | : | Kita bertuah. Walaupun tinggal di bandar, udaranya tetap segar dan dihiasi pula dengan kehijauan tumbuhan. |

**Pada pendapat anda, wajarkah kempen menanam pokok dilancarkan?**
**Beri hujah anda secara terperinci berdasarkan nilai-nilai murni yang dipelajari. [10m]**

| Bil | Tindakan / Keputusan / Huraian | Markah |
|---|---|---|
| F | Wajar | 1 |
| N1 | Menyayangi dan menghargai alam sekitar | 1 |
| N2 | Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar | 1 |
| N3 | Kemapanan alam sekitar | 1 |
| N4 | Peka terhadap isu-isu alam sekitar | 1 |
| N5 | Rasional | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| **F1** | **melindungi alam sekitar / mengurangkan pencemaran alam** | **1** |
| **H1** | Pokok-pokok bantu mengurangkan hakisan tanah / tanah runtuh | 1 |
| **H2** | Daun-daun pokok akan mengurangkan kesan titisan air ke permukaan tanah dan akan mengurangkan kesan hakisan tanah | 1 |
| **H3** | Akar-akar pokok akan mengikat dan menahan sebahagian daripada air hujan mengalir deras turun ke tanah rendah dan boleh menghalang daripada tanah runtuh | 1 |
| **H4** | menjamin kesejahteraan dan keselamatan hidup rakyat | 1 |
| **F2** | **Membekalkan gas oksigen kepada manusia** | **1** |
| **H5** | penanaman pokok membantu penambahan pengeluaran gas oksigen yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. | 1 |
| **H6** | pokok membebaskan oksigen ke udara dan membolehkan badan manusia mendapat bekalan oksigen yang secukupnya | 1 |
| **H7** | menunjukkan keadaan saling kebergantungan antara manusia dengan tumbuh- tumbuhan untuk terus hidup | 1 |
| **F3** | **memupuk semangat cinta akan kehijauan pokok-pokok / menyemai perasaan cinta akan suasana hijau alam dalam diri generasi muda** | **1** |
| **H8** | kempen ini dapat meningkatkan kesedaran dan penghargaan manusia kepada alam sekitar | 1 |
| **H9** | pokok berperanan penting dalam memberikan keselesaan dan kesejahteraan kehidupan seharian kepada manusia | 1 |
| **H10** | memberi pendidikan alam sekitar secara langsung kepada masyarakat | 1 |
| **H11** | generasi yang akan datang dapat menikmati alam sekitar yang bersih | 1 |
| **F4** | **menstabilkan suhu persekitaran** | **1** |
| **H12** | pokok-pokok memberikan suasana persekitaran yang sejuk dan nyaman | 1 |
| **H13** | pokok-pokok yang banyak dapat mengimbangi kandungan gas beracun dalam udara terutama karbon dioksida dan karbon monoksida. Ini secara langsung akan dapat menyejuk dan menyegarkan udara sekitar | 1 |
| **H14** | mengurangkan kesan rumah hijau / pemanasan suhu bumi | 1 |
| **H15** | kualiti hidup manusia lebih selesa dan terjamin | 1 |
| **F5** | **menjadi teduhan bagi sesebuah rumah** | **1** |
| **H16** | mengindahkan dan mencantikkan landskap | 1 |
| **H17** | melindungi manusia daripada terik cahaya matahari | 1 |
| **H18** | membantu mengembalikan fungsi penyaman udara semula jadi | 1 |

*****Jawapan MESTI WAJAR sahaja.**

- **Terima 1 tindakan + 3 nilai + 6 huraian = 10 markah**
- **Terima 1 tindakan + 2 nilai + 7 huraian = 10 markah**
- **Terima 1 tindakan + 1 nilai + 8 huraian = 10 markah**
- **Maksima terima 3 NILAI sahaja**

5. Berikut adalah maklumat berkaitan Akta Juvana.

| |
|---|
| **Hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas seorang remaja yang didapati bersalah adalah seperti berikut :**<br>• **Meletakkan juvana di bawah penyeliaan pegawai akhlak antara 1 hingga 3 tahun**<br>• **Memerintahkan juvana dimasukkan ke sekolah-sekolah pemulihan**<br>• **Sekiranya kesalahan yang dilakukan tidak begitu serius, juvana boleh dibebaskan selepas ibu bapa atau penjaga mereka menandatangani bon untuk berkelakuan baik** |

Bersetujukah anda dengan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah juvana ? Huraikan alasan anda berdasarkan nilai-nilai murni yang telah dipelajari. [10m]

| Bil | Tindakan / Keputusan / Huraian | Markah |
|---|---|---|
| **F** | **Setuju** | 1 |
| **N1** | **Rasional** | 1 |
| **N2** | **Mematuhi peraturan dan undang-undang** | 1 |
| **N3** | **Bertanggungjawab** | 1 |
| **N4** | **Keadilan** | 1 |
| **H1** | dapat mengawal tingkah laku supaya mereka tidak melakukan jenayah | 1 |
| **H2** | hukuman tersebut menjadi pengajaran kepada diri mereka | 1 |
| **H3** | menyedarkan orang ramai termasuk pesalah supaya tidak melakukan kesalahan yang sama | 1 |
| **H4** | remaja yang didapati bersalah seharusnya mendapat hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan / tidak bebas begitu sahaja | 1 |
| **H5** | pesalah juvana patut akur kepada undang-undang agar tidak dijatuhkan humuman tersebut | 1 |
| **H6** | bertujuan mendidik pesalah juvana memperbaiki kesalahan diri | 1 |
| **H7** | pesalah juvana berpeluang mendapat jagaan dan perlindungan | 1 |
| **H8** | memberi kesedaran kepada ibu bapa akan tanggungjawab mendidik anak dengan baik | 1 |

**ATAU**

| Bil | Tindakan / Keputusan / Huraian | Markah |
|---|---|---|
| **F** | **Tidak setuju** | 1 |
| **N1** | **Nilai rasional** | 1 |
| **H1** | hukuman tersebut bukanlah cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah | 1 |
| **H2** | pesalah juvana harus diberikan didikan agama/ moral secukupnya oleh ibu bapa sejak kecil lagi | 1 |
| | | **Maks = 4 markah** |

- **Terima 1 tindakan + 3 nilai + 6 huraian = 10 markah**
- **Terima 1 tindakan + 2 nilai + 7 huraian = 10 markah**
- **Terima 1 tindakan + 1 nilai + 8 huraian = 10 markah**
- **Maksima terima 3 NILAI sahaja**
- **Hanya pilih 1 TINDAKAN sahaja. TIDAK BOLEH ATAS PAGAR**

<u>**Esei membuat keputusan antara 2 pilihan**</u>

1. Dialog berikut tentang dilema lepasan SPM untuk melanjutkan pelajarannya.

| | |
|---|---|
| Kumar | : Saya dapat dua tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke United Kingdom dan Universiti Malaya. |
| Kim Seng | : Tahniah ! Saya harap awak dapat buat pilihan yang tepat. |

Sekiranya anda ialah Kumar, apakah tindakan anda ? Berikan alasan anda.

[10 markah]

**Terima watak : Saya**

| | **Butiran** | **Markah** |
|---|---|---|
| **F1** | Saya menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya. | **1** |
| **H1** | • **Cinta akan negara** | **1** |
| **H2** | • sayang dan bangga kepada negara dengan melanjutkan pelajaran di UM / meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri dalam membuat pemilihan tempat melanjutkan pelajarannya. | **1** |
| **H3** | • yakin dengan keupayaan IPTA di Malaysia | **1** |
| **H4** | • Keupayaan IPTA di Malaysia boleh setanding dunia | **1** |
| **H5** | • Malaysia sudah menjadi pusat Pendidikan Antarabangsa | **1** |
| **H6** | • sanggup menerima tawaran melanjutkan pelajaran di UM demi meningkatkan imej IPTA | **1** |
| **H7** | • **Rasional** | **1** |
| **H8** | • boleh berfikir kebaikan / kelebihan melanjutkan pelajaran di UM / dapat bertindak wajar dalam membuat pemilihan tempat untuk melanjutkan pelajarannya | **1** |
| **H9** | • Boleh mengurangkan aliran wang ke luar negara | **1** |
| **H10** | • kos yuran pengajian lebih murah | **1** |
| **H11** | • dapat sentiasa berjumpa dengan ahli keluarga / boleh berjumpa dengan ahli keluarga dengan mudah | **1** |
| **H12** | • dapat balik ke rumah / kampung dengan senang dan cepat | **1** |
| **H13** | • tidak ada masalah perbezaan budaya hidup | **1** |
| **H14** | • boleh bertutur bahasa Malaysia / bahasa ibunda di negara sendiri / tidak ada masalah berkomunikasi dalam bahasa asing | **1** |
| **H15** | • tidak menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri semasa perubahan musim | **1** |
| **H16** | • kurang menghadapi tekanan merindui negara Malaysia dan ahli keluarga | **1** |
| | | **[Mak=10m]** |

# ATAU

| | **Butiran** | **Markah** |
|---|---|---|
| **F1** | Saya menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke United Kingdom. | **1** |
| **H1** | • **rasional** | **1** |
| **H2** | • boleh berfikir kebaikan / kelebihan melanjutkan pelajaran di UK / dapat bertindak wajar apabila diberi pilihan untuk melanjutkan pelajaran | **1** |
| **H3** | • dapat mempelajari kemahiran / kepakaran yang lebih mendalam | **1** |
| **H4** | • Boleh meluaskan pengalaman / pengetahuan di negara luar | **1** |

| | | |
|---|---|---|
| **H5** | • memilih UK supaya dapat membawa balik kemahiran / kepakaran yang dipelajari bagi membangunkan negara kelak. | **1** |
| **H6** | • **Berdikari** | **1** |
| **H7**<br>**H8** | • sanggup dan boleh melakukan sesuatu dalam membuat pemilihan tempat melanjutkan pelajarannya / memilih untuk melanjutkan pelajaran ke UK tanpa bergantung kepada orang lain | **1** |
| **H9** | • rela ke UK untuk belajar walaupun terpaksa berjauhan dengan ahli keluarganya. | **1** |
| **H10** | • bersedia hidup di perantauan tanpa bantuan keluarga bagi menimba ilmu | **1** |
| **H11** | • Sanggup menghadapi cabaran / dugaan hidup dengan sendiri | **1**<br>**[Mak=10m]** |

Jika saya ialah Kumar, Saya **menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya**. Hal ini kerana saya sayang dan bangga kepada negara dengan melanjutkan pelajaran di UM. Saya yakin dengan keupayaan IPTA di Malaysia. Selain itu, keupayaan IPTA di Malaysia boleh setanding dunia. Malaysia juga sudah menjadi pusat Pendidikan Antarabangsa.

Saya sanggup menerima tawaran melanjutkan pelajaran di UM demi meningkatkan imej IPTA di Malaysia. Saya juga boleh boleh berfikir kebaikan melanjutkan pelajaran di UM. Jika saya belajar di UM, saya boleh mengurangkan aliran wang ke luar negara. Tambahan pula, kos yuran pengajian di UM lebih murah jika dibandingkan dengan negara luar.

Jika saya belajar di UM, saya dapat sentiasa berjumpa dengan ahli keluarga. Hal ini kerana saya dapat balik ke rumah atau kampung saya dengan senang dan cepat.

Jika saya belajar di UM, saya tidak menghadapi masalah perbezaan budaya hidup. Saya masih berada di Malaysia, saya boleh bertutur bahasa Malaysia dan bahasa ibunda di negara sendiri. Saya juga tidak menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri semasa perubahan musim kerana di Malaysia hanya ada satu musim sahaja iaitu panas dan lembap sepanjang tahun. Saya juga kurang menghadapi tekanan merindui negara Malaysia dan ahli keluarga jika saya belajar di UM.

**Latihan esei membuat keputusan antara 2 pilihan**

| | | |
|---|---|---|
| Ming Ming | : | Ibu, ayah, saya akan berkahwin dengan Li Li tahun depan. Kami bercadang daftar kahwin dan melancong ke luar negara untuk berbulan madu. |
| Ibu | : | Ming Ming, kamu adalah satu-satu anak lelaki dalam keluarga kita. Kita patut adakan kenduri kahwin untuk memaklumkan kepada saudara mara bahawa kamu telah mendapat pasangan hidup. |
| Ayah | : | Saya setuju dengan ibu kamu. Kita harus ikut tradisi perkahwinan orang Cina yang diwariskan oleh nenek moyang kepada kita turun temurun. |

2. Jika anda ialah Ming Ming, apakah tindakan anda ? Berikan alasan anda. [10 markah]

**Skema Esei membuat keputusan antara 2 pilihan**

**Terima watak : Saya**

| | **Butiran** |
|---|---|
| **F1** | **Saya akan mengikut nasihat ibu ayah untuk mengadakan kenduri kahwin** |
| **N1** | **Nilai kasih sayang terhadap keluarga / kasih sayang** |
| **N2** | **Nilai hormat dan taat kepada anggota keluarga** |
| **N3** | **Nilai tanggungjawab kepada keluarga / bertanggungjawab** |
| **N4** | **Nilai mengekalkan tradisi kekeluargaan** |
| **N5** | **Nilai Rasional** |
| **H1** | Saya mengadakan kenduri kahwin supaya ibu ayah saya gembira |
| **H2** | Saya juga dapat berjumpa dengan saudara mara dan kawan-kawan saya semasa kenduri kahwin saya |
| **H3** | Hubungan baik antara keluarga saya dengan saudara mara dapat dieratkan |
| **H4** | Saya seorang anak yang taat kepada ibu ayah kerana menurut kehendak mereka |
| **H5** | Ibu bapa saya akan berasa bahagia kerana saya sudah berkahwin mengikut tradisi orang Cina |
| **H6** | Saya melaksanakan tanggungjawab saya sebagai anak tunggal untuk mewarisi tradisi keluarga saya |
| **H7** | Saya dapat mengekalkan tradisi perkahwinan orang Cina supaya tradisi ini tidak akan pupus |
| **H8** | Anak-anak saudara saya juga dapat mempelajari tradisi perkahwinan daripada saya dan generasi muda dapat mewarisi tradisi ini turun temurun |
| **H9** | Sebagai contoh, tradisi menghidang teh kepada orang tua semasa perkahwinan |
| **H10** | Selain itu, saya juga akan mengikut tradisi menjemput pengantin baru dengan membawa kacang dan kuaci yang menanda akan mendapat banyak zuriat |
| **H11** | Saya boleh berfikir kebaikan tradisi perkahwinan orang Cina iaitu menjadi jambatan untuk menghubungkan generasi tua dan generasi muda |
| **H12** | Saya mengikut tradisi perkahwinan orang Cina kerana ini ialah lambang / identiti orang Cina |

**ATAU**

| Butiran | |
|---|---|
| **F1** | **Saya akan daftar kahwin dan melancong ke luar negara untuk berbulan madu** |
| **N1** | **Nilai Rasional** |
| **H1** | Saya sudah dewasa dan bebas untuk membuat keputusan untuk perkahwinan diri saya |
| **H2** | Perkahwinan ikut tradisi orang Cina adalah ketinggalan zaman |
| **H3** | Perkahwinan ikut tradisi orang Cina sangat memenatkan |
| **H4** | Kenduri kahwin ikut tradisi orang Cina akan menelan banyak perbelanjaan |
| **H5** | Saya akan menyusahkan saudara mara dan kawan-kawan saya untuk menghadiri kenduri perkahwinan saya |
| **H6** | Saya dapat meluaskan pandangan dan pengalaman jika saya melancong ke luar negara untuk berbulan madu. |

**Jika calon pilih <u>daftar kahwin dan melancong ke luar negara untuk berbulan madu,</u> Calon TIDAK dapat markah penuh. Maks = 8 markah sahaja.**

| |
|---|
| Encik Leong ialah seorang eksekutif yang bekerja di sebuah syarikat yang terkemuka. Dia ialah seorang pekerja yang sentiasa patuh pada arahan majikannya. Pada suatu hari, Encik Patrick yang sepatutnya bertanggungjawab untuk melayani beberapa orang peniaga dari luar negara tidak datang bekerja kerana sakit. Majikan mengarahkan Encik Leong untuk menggantikan tempat Encik Patrick dengan membawa peniaga-peniaga tersebut ke sebuah hotel untuk diraikan. Majikannya berjanji akan memberi kenaikan pangkat dan gaji kepada Encik Leong sekiranya urus niaga itu berjaya. Encik Leong serba salah kerana selama ini dia tidak suka bersosial dan mengambil minum keras. Arahan majikannya kali ini bertentangan dengan prinsip hidupnya. |

3. Nyatakan tindakan yang harus diambil oleh Encik Leong. Kemukakan hujah-hujah untuk menyokong tindakan tersebut. [10m]

| Bil | Tindakan / Keputusan / Huraian | Markah |
|---|---|---|
| **F** | **Menerima tugas yang diberikan oleh majikan** | 1 |
| **N1** | **Nilai bertanggungjawab** | 1 |
| **N2** | **Nilai rasional** | 1 |
| **N3** | **Nilai amanah** | 1 |
| **H1** | dia harus melaksanakan tugas sebagai pekerja dengan sempurna | 1 |
| **H2** | dia harus menjalankan arahan yang diberikan oleh majikan | 1 |
| **H3** | dia harus bertindak wajar semasa melayan peniaga dari luar negara | 1 |
| **H4** | dia boleh memesan minuman lain | 1 |
| **H5** | dia akan berpeluang memajukan diri jika berjaya menjalankan urus niaga tersebut | 1 |
| **H6** | dia harus membuktikan keupayaannya kepada majikan | 1 |
| **H7** | dia harus menimbulkan keyakinan majikan terhadap kebolehan dirinya | 1 |
| **H8** | dia harus belajar bersosial kerana ia merupakan aspek penting dalam perniagaan | 1 |

**ATAU**

| Bil | Tindakan / Keputusan / Huraian | Markah |
|---|---|---|
| F | **Tidak menerima arahan majikan** | 1 |
| N1 | **Nilai harga diri** | 1 |
| N2 | **Nilai rasional** | 1 |
| N3 | **Nilai kasih sayang** | 1 |
| H1 | dia harus menjaga maruah diri dengan berpegang kepada prinsip hidupnya | 1 |
| H2 | Dia harus boleh berfikir kesan buruk mengambil minuman keras | 1 |
| H3 | Minum minuman keras akan menjejaskan kesihatan dir | 1 |
| H4 | dia akan merasai tekanan jika dipaksa melakukan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip hidupnya | 1 |
| H5 | sebagai pekerja, dia mempunyai hak untuk menolak permintaan majikan yang tidak sesuai dengan dirinya | 1 |
| H6 | dia tidak boleh terlalu mengejar kejayaan sehingga mengabaikan prinsip hidup | 1 |

- **Terima 1 tindakan + 3 nilai + 6 huraian = 10 markah**
- **Terima 1 tindakan + 2 nilai + 7 huraian = 10 markah**
- **Terima 1 tindakan + 1 nilai + 8 huraian = 10 markah**
- **Maksima terima 3 NILAI sahaja**
- **Hanya pilih 1 TINDAKAN sahaja. TIDAK BOLEH ATAS PAGAR**

